

30 JUL 2001

Dompok-UPKO

UPKO SOKONG KESEDERHANAAN UMNO, TAKUT POLITIK PAS

KOTA KINABALU, 30 Julai (Bernama) -- Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) menolak politik keterlaluan anjuran pembangkang kerana "takut" dengan tindak tanduk mereka khususnya Pas.

Sebaliknya, kata Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok, parti itu akan terus mendokong politik kesederhanaan yang diamalkan oleh Umno termasuk perjuangannya untuk mempertahankan hak Melayu dan Bumiputera.

Katanya ketika Barisan Nasional bertungkus-lumus mempertahankan kestabilan dan kedaulatan negara, pihak pembangkang pula terus mengamalkan politik maki hamun dan politik kebencian.

"UPKO sama sekali tidak dapat menerima perjuangan Pas untuk mendirikan negara pemerintahan Islam di Malaysia," katanya dalam ucapan dasar pada kongres UPKO ke-7 hari ini. Kongres itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dompok berkata: "Daripada perspektif (masyarakat) Kadazandusun Murut, kita amat takut dengan kemaraan politik Pas ini."

Dompok berkata kepimpinan UPKO di semua peringkat akan bekerja keras untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 60 peratus sokongan masyarakat Kadazandusun Murut terhadap BN sebagai satu daripada usaha ke arah menolak politik keterlaluan itu.

Beliau menggesa semua anggota UPKO supaya sentiasa menghormati rakan-rakan mereka dari parti komponen BN yang lain.

Mengenai perpaduan di kalangan anggota UPKO sendiri, Dompok berkata pertandingan dalam parti perlu sihat agar budaya persaingan yang keterlaluan dapat dibendung.

"Kita harus mengambil iktibar daripada pengalaman parti-parti lain yang mengalami masalah perpaduan akibat daripada kempen ahli-ahlinya yang keterlaluan untuk merebut jawatan dalam parti," katanya.

Dompok berkata kemenangan calon hasil dari kempen yang keterlaluan tidak akan memberi erti kerana keutuhan parti itu telah terjejas.

-- BERNAMA

JS HAK MAI